

From: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi
Sent: 14 September 2015 15:21
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Abdul Rahim B Othman; Prof. Madya Dr. Chandrakantan a/l Subramaniam; Dr. Norashidah Binti Hashim
Subject: MAJLIS SILATURAHIM SEMPENA PERTUKARAN JABATAN 2 ORANG KAKITANGAN CEDI DAN MERAIKAN STAF YANG AKAN BERSARA



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**
CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE
Universiti Utara Malaysia

14 SEPTEMBER 2015 / 30 ZULKAEDAH 1436H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

MAJLIS SILATURAHIM SEMPENA PERTUKARAN JABATAN 2 ORANG KAKITANGAN CEDI DAN MERAIKAN STAF YANG AKAN BERSARA



CEDI ONLINE : Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah mengadakan jamuan secara "Port Luck" dalam satu majlis silaturahmi sempena pertukaran jabatan 2 orang kakitangan CEDI iaitu Puan Rohani Abdullah, Pegawai Penyelidik Sosial, yang bertukar ke Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Puan Atiyah Yaakob, Penolong Pegawai Tadbir yang bertukar ke Jabatan Pendaftar serta meraikan Encik Azemi Hasim yang akan bersara pilihan pada Januari 2016.

Pengarah Eksekutif CEDI, Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Othman dalam ucapan aluannya berkata, majlis tersebut diadakan bagi meraikan dan menghargai jasa kakitangan terlibat yang begitu komited terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan.

"Jasa bakti mereka sepanjang berkhidmat di jabatan ini tidak akan dilupakan," katanya lagi.

Sementara itu, Encik Azemi Hasim No. Pekerja 362, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Kanan akan mula menjalani Kursus Peralihan mulai 15 September sehingga Disember 2015.

Dalam temubual ringkas, beliau menzahirkan perasaan serba salah samada bersara pilihan atau bersara wajib. Setelah berfikir panjang, akhirnya beliau mengambil keputusan untuk bersara secara pilihan.

Sudah 29 tahun saya menabur bakti bersama UUM dan telah ditempatkan di beberapa jabatan antaranya Sekolah Pengajian Asasi (1985), Jabatan Bendahari, Pusat Kokurikulum, Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan," katanya.

Turut diraikan semua staf baru yang bertukar dari jabatan lain ke CEDI iaitu Encik Muhammad Hafiz Mohd Ghazali, Pegawai Penyelidik Sosial, Encik Husni Zaim Rahman, Pegawai Tadbir, Encik Mohamad Azrol Khalim, Penolong Pegawai Tadbir, Encik Yusuf Lazim, Pembantu Tadbir (P/O) Kanan, Encik Mohamad Fithri Hamzah, Pembantu Tadbir (P/O) dan staf CEDI yang lain.

Sekian.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871

FAKS : 604 - 928 4909

EMAIL : cedi@uum.edu.my

smatb2015

